

RESOLUSI KONVENSYEN PENDIDIKAN TAHFIZ KEBANGSAAN TAHUN 2018

Peserta konvensyen merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan di atas komitmen untuk memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).

Demi merealisasikan teras 5 Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), iaitu “Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan Bagi Institusi Tahfiz”, maka Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan tahun 2018 bertemakan “**Ke Arah Pengiktirafan Huffaz di Malaysia**” yang diadakan di Hotel Putra Kuala Lumpur pada 26–28 Mac 2018 bersetuju dengan resolusi berikut:

Pertama, **menubuhkan badan khusus iaitu Majlis Tahfiz Negara (MTN)** untuk mengawal standard kualiti pendidikan tahfiz dan para huffaz di negara ini. Peranan utama MTN ialah sebagai badan penasihat, penentu dasar, halatuju dan kualiti pendidikan tahfiz kebangsaan di Malaysia. Penubuhan MTN dapat mempertingkatkan keyakinan masyarakat dalam dan luar negara terhadap kredibiliti pendidikan tahfiz di Malaysia.

Kedua, **Lajnah Syuyukh Huffaz (LSH) ditubuhkan** sebagai salah satu jawatankuasa pelaksana MTN yang berfungsi untuk memperakukan cadangan berkaitan jaminan kualiti pendidikan tahfiz termasuk aspek penarafan institusi tahfiz, perakuan pengiktirafan pencapaian hafazan dan perakuan pengiktirafan kemahiran profesional huffaz serta penganugerahan gelaran khusus kepada para huffaz.

Ketiga, **memperkenalkan Pensijilan Tahfiz Malaysia** yang standard mengikut tahap pengajian pelajar bagi memudahkan agensi yang bertanggungjawab membuat pengiktirafan bertujuan untuk melanjutkan pengajian ke tahap lebih tinggi atau memohon sesuatu perjawatan.

Keempat, **mewujudkan mekanisme penarafan dan pengiktirafan institusi tahfiz** bagi memastikan kualiti pendidikan tahfiz terjamin.

Kelima, **mewujudkan Kerangka Kelayakan Tahfiz Kebangsaan (KKTK)** yang mendapat pengiktirafan dan dijadikan sebahagian daripada program pengajian yang disenarai dalam Kerangka Kelayakan Malaysia oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Keenam, **memperkenalkan kaedah dan modul khusus kepada para huffaz** bagi mengekalkan 30 juzuk hafazan ke arah melahirkan huffaz yang mantap.

Ketujuh, **memperkenalkan pengajian takhassus Tahfiz dan Qiraat** untuk melahirkan pakar dalam bidang tersebut.

Kelapan, **Kaedah Isbath** perlu diperluaskan ke seluruh negara untuk menggalakkan para huffaz mengekalkan hafazan 30 juzuk melalui pemberian insentif kewangan. Penilaian hendaklah dilakukan secara menyeluruh melibatkan aspek syafawi dan tahriri.

Kesembilan, medium perbincangan mengenai pendidikan tahfiz perlu diteruskan dari masa ke semasa dengan kerjasama pelbagai agensi melalui konsep "NBOS" (National Blue Ocean Strategy).